



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BULETIN
PEJABAT PENDAFTAR**

Edisi ke-25/Ogos 2016
ISSN 1996/2924

TERAS

<http://www3.utem.edu.my/pendaftar/teras>



Retreat Lembaga Pengarah Universiti

Tahniah

**Kumpulan techITez ke
International Convention On
Quality Control Circles 2016
Bangkok, Thailand**

**Rasionalisasi Skim
Perkhidmatan Bagi
Perkhidmatan Awam
Persekutuan Di Bawah
Sistem Saraan Malaysia**

3

Sekalung Tahniah

4

Retreat Lembaga Pengarah Universiti

7

Tahniah Kumpulan techITez Penarafan Emas Projek Sistem Pendaftaran PINTAR (iReg) di International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2016

10

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Awam

14

Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan 2016

16

Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia

19

Nama indahku diberi Mohd Hamdan bin Abdul Talib

21

Bengkel Penilaian Prestasi Akademik (ePenilaian)

23

Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Universiti

25

Peraturan Pakaian Seragam Staf UTeM

27

Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Khas Pada Bulan Ramadan di UTeM

28

CPD21

29

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 Audit Dalam

30

Tahniah Atas Kejayaan!

32

UTeM Terima 532 Orang Pelajar Baharu Diploma

33

PERINTIS Khas Bil.1/2016 Setiausaha Pejabat (SUP)

Sidang Redaksi

Penaung
Datuk Hasan bin Sirun

Ketua Editor
Wahi bin Nordin

Editor
Noorazilah binti Mohamed

Sidang Redaksi
Muhamad Hazrul bin Md Esa
Muhammad Iqbal bin Amdan
Erdalia Erna binti Daud
Noor Aswany binti Ses
Mohd Faiz bin Zulkifli
Azlina binti Amzah

Jrugambar
Asri bin Abu
Nurulidayu binti Talib
Mohd Farid bin Supangi
Md Nor bin Mohamad Saleh

Pembaca Pruf
Nurhayati binti Mohd Shariff

Penulis/Wartawan
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin
Mohamad Yusof bin Mohamad Dan
Mohd Hamdan bin Abdul Talib
Muhammad Iqbal bin Amdan
Mohd Farid bin Mohd Khalid
Norhafizah binti Md Yusoh
Noorazilah binti Mohamed
Noor Aswany binti Ses
Azlina binti Amzah
Norsuria binti Azis
Hazrin binti Kasim
Azrina binti Alwi

Reka Bentuk
Ratnasaerah binti Azis

Sekalung Tahniah

Kenaikan Pangkat Secara Khas Untuk Penyandang Peringkat Dalam (KUPD) Gred Utama C mulai 22 Ogos 2016



YBhg. Datuk Hasan Bin Sirun
Pendaftar



Encik Khairul Bin Taib
Bendahari



Encik Mohd Isa Bin Mohd Dom
Ketua Pegawai Maklumat



Encik Azhar Bin Mohamed
Penasihat Undang-Undang

Kenaikan pangkat ke Pegawai Undang-Undang Gred L52 mulai 22 Ogos 2016



RETREAT LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

“Hubungan Strategik Lembaga Pengarah Ke Arah Transformasi Universiti”

Pendidikan merupakan salah satu ejen utama kepada proses transformasi negara dan masyarakat. Hasrat mentransformasikan negara menjadi sebuah negara maju perlu diselarikan dengan melihat cabaran-cabaran yang perlu diidepami negara di peringkat global. Demi memastikan setiap perancangan yang dibentuk adalah relevan dengan perkembangan semasa di peringkat global amnya dan di peringkat negara-negara ASEAN khususnya, aspek kepimpinan dan tadbir urus yang cemerlang perlu diambil perhatian dan diselarikan dengan pembentukan hala tuju negara.

Pelbagai inisiatif baharu telah diwujudkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dalam menyokong setiap usaha dan agenda pembangunan Negara. Bagi memastikan setiap agenda ini difahami di peringkat Universiti, hubungan strategik antara pemegang taruh telah diperkasakan agar penghayatan melalui kaedah yang bersifat “top-down” dapat diwujudkan.

Lantaran itu, pada 24 dan 25 Mei 2016 bertempat di Hotel Casa Del Rio, Melaka, pihak Universiti telah menganjurkan Program Retreat Lembaga Pengarah Universiti “Hubungan Strategik Lembaga Pengarah Ke Arah Transformasi Universiti” bagi memberi penerangan dan memperjelaskan peranan dan fungsi Lembaga Pengarah Universiti selaku badan yang mengelola, membuat dasar serta mengawasi Universiti selaras dengan hala tuju yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Di samping itu, ia juga demi memastikan pelaksanaan usaha yang sedang dijalankan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mencapai visi menjadi Universiti Teknikal terkemuka di dunia dapat diselarikan dari segenap lapisan pengurusan tadbir urus.

Program ini melibatkan kehadiran Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti serta ahli Ex-Officio Lembaga Pengarah Universiti. Program yang berlangsung selama sehari setengah ini telah diisi sebaiknya dengan lima (5) sesi utama seperti berikut:





Pihak Universiti juga telah menjemput beberapa penceramah luar bagi memastikan maklumat yang terkini berkaitan usaha yang sedang dijalankan di peringkat Kementerian dapat disampaikan ke pengetahuan luar. Antara penceramah luar yang turut terlibat adalah YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Penasihat Khas, Perunding Higher Education Blueprint, merangkap Pengarah Program Transformasi Universiti, KPT dan YBrs. Prof. Madya Dr. Jaafar bin Jantan, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) (merupakan mantan Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi dan juga merupakan mantan Ahli Silih Ganti Lembaga Pengarah UTeM).

Mengambil peluang ini juga, pihak Universiti turut mengadakan Majlis Makan Malam Lembaga Pengarah Universiti Bersama Ketua Menteri Melaka bertempat di Restoran Melayu Melaka pada 24 Mei 2016. Pelbagai amanat telah disampaikan oleh Ketua Menteri Melaka pada majlis ini yang dijadikan sebagai pendorong kepada pihak Universiti dalam memperkemas strategi dan gerak kerja di Universiti. Lebih mengujakan, Lembaga Pengarah Universiti juga telah dibawa menikmati keindahan Sungai Melaka melalui kemudahan Melaka River Cruise selepas majlis makan malam tersebut selesai.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan penerangan kepada Lembaga Pengarah Universiti berkenaan fungsi dan kuasa Lembaga Pengarah Universiti serta sistem keseluruhan pengoperasian Universiti selaras dengan hala tuju yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Info:

a) Lembaga Pengarah Universiti

- | | |
|--|-------------|
| 1. YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc. | - Pengerusi |
| 2. YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib | - Ahli |
| 3. YB. Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar | - Ahli |
| 4. YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Raman bin Haji Saad | - Ahli |
| 5. YBhg. Dato' Amir bin Md Noor | - Ahli |
| 6. YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain | - Ahli |
| 7. YBhg. Datuk Ir. Hj. Baharam bin Mohd | - Ahli |
| 8. YB. Senator Datuk Zali bin Mat Yasin | - Ahli |
| 9. Puan Kholiah binti Ismail | - Ahli |
| 10. Encik Omar Shariff bin Mydeen | - Ahli |
| 11. Encik Azrul bin Aziz | - Ahli |

Ahli Ex-Officio Lembaga

- | | |
|---|---|
| 1. YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhammad | - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| 2. YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor | - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) |
| 3. YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid | - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) |
| 4. YBhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin | - Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) |
| 5. YBhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang | - Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasilitas) |
| 6. YBhg. Datuk Hasan bin Sirun | - Pendaftar |
| 7. Encik Khairul bin Taib | - Bendahari |
| 8. Encik Azhar bin Mohamed | - Penasihat Undang-Undang |

info



TAHNIAH KUMPULAN techITez

PENARAFAN EMAS PROJEK SISTEM PENDAFTARAN PINTAR (IREG)

DI INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES (ICQCC) 2016 BANGKOK, THAILAND

23 HINGGA 26 SEPTEMBER 2016

Oleh: Noorazilah binti Mohamed



THE CENTARA GRAND AT CENTRAL PLAZA LADPRAO BANGKOK HOTEL, THAILAND



Penganjuran *International Convention on Quality Control Circles (ICQCC)* 2016 ini melibatkan penyertaan tiga belas (13) buah negara di Asia bagi tujuan mengiktiraf kumpulan-kumpulan yang telah berjaya melaksanakan projek penambahbaikan dan penciptaan nilai di setiap organisasi.

Kumpulan techITez telah berjaya mendapat penarafan emas di ICQCC 2016 dengan tajuk projek "**Sistem Pendaftaran Pintar (iREG).**"

Penyertaan kumpulan KIK techITez adalah penyertaan pertama UTeM di peringkat antarabangsa dan bertujuan untuk berkongsi pengalaman dengan kumpulan-kumpulan dari luar negara serta menimba pengetahuan baru, di samping memberi pengiktirafan kepada ahli kumpulan techITez yang terlibat.

Penyertaan kumpulan techITez di peringkat antarabangsa merupakan satu platform untuk menanda aras pencapaian projek kumpulan techITez dengan projek dari negara luar.

Sehubungan dengan itu, penyertaan kumpulan techITez di peringkat antarabangsa ini merupakan hadiah dan sokongan dari pihak pengurusan Universiti di atas kejayaan kumpulan ini membawa nama UTeM dan Malaysia di persada antarabangsa.



Kumpulan KIK techITez telah berjaya memperoleh pelbagai anugerah dan pengiktirafan bermula daripada peringkat Universiti Awam sehingga ke peringkat antarabangsa. Berikut adalah senarai pencapaian kumpulan techITez:

Bil.	Perkara	Pencapaian
1.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam	Kumpulan techITez: a) Penarafan Emas b) Tempat Ketiga bagi Kategori Pengurusan
2.	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Wilayah Selatan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Kumpulan techITez: a) Penarafan Emas
3.	<i>National Team Excellence on Innovative Creative Circle (ICC) Convention</i> , Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Kumpulan techITez: a) Penarafan Emas Tiga Bintang b) Tempat kelima terbaik bagi sektor awam di Malaysia.
4.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Kumpulan techITez: a) Penarafan Emas b) Tempat Kedua bagi Kategori Pengurusan
5.	Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Kumpulan techITez a) Tempat Kedua bagi Kategori Pengurusan
6.	<i>International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2016</i>	Penarafan Emas





Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM Bil. 1/2016 yang bersidang pada 10 Februari 2016 telah bersetuju untuk menghantar empat (4) kumpulan yang akan mewakili UTeM ke Konvensyen KIK di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 2 hingga 4 Ogos 2016 bagi Kategori Pengurusan dan Teknikal iaitu:

KATEGORI PENGURUSAN

- 1 Kumpulan **Go-SaVE** dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- 2 Kumpulan **InCome** dari Pejabat Pendaftar

KATEGORI TEKNIKAL

- 1 Kumpulan **GoGreen** dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- 2 Kumpulan **FTK One** dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UNIVERSITI AWAM

DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

2 HINGGA 4 OGOS 2016

Oleh: Noorazilah binti Mohamed

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
UMT
UUM
UNIVERSITI SUTAN JOBS
UTeM
UNIMAS

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
PERINGKAT UNIVERSITI AWAM KALI KE-12 | 2016
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2-4 OGOS 2016
KOMPLEKS KULIAH PUSAT & DEWAN SULTAN MIZAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



PENARAFAN:

- Kumpulan Go-SaVE : Penarafan Emas Anugerah Inovasi Harapan Kategori Pengurusan
- Kumpulan GoGreen : Penarafan Emas Persembahan Terbaik Kategori Teknikal
- Kumpulan InCome : Penarafan Perak
- Kumpulan FTK One: Penarafan Perak

Konvensyen yang berlangsung selama tiga (3) hari itu mendapat penyertaan sebanyak 20 pasukan yang bertanding bagi kategori pengurusan dan 20 pasukan lagi bagi kategori teknikal.

Konvensyen KIK diadakan bertujuan menyemarakkan motivasi memupuk idea-idea kreatif dan inovatif dalam kalangan warga kerja universiti.

Konvensyen itu juga merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membudayakan pemikiran inovatif dan kreatif dalam kalangan warga kerja perkhidmatan awam di Malaysia serta memberi peluang kepada mereka untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Profesor Dr. Asma binti Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



UTeM telah menghantar penyertaan kumpulan KIK ke Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan 2016 yang telah berlangsung pada 15 hingga 16 Ogos di KSL Resort Johor Bahru. Butiran penyertaan adalah seperti berikut:

Kategori Pengurusan

Kumpulan **GoSaVE** dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Tajuk Projek: Penggunaan Pendingin Hawa Yang Tidak Terkawal di Aras 1 Blok Pentadbiran FKE

RINGKASAN PROJEK:

Kesedaran penjimatan tenaga yang kurang diberi penekanan di kalangan staf dan pelajar merupakan faktor berlakunya pembaziran tenaga di universiti. Ini dapat dilihat melalui penggunaan peralatan elektrik (lampu, penghawa dingin, dll) setiap hari yang tidak efisien menjadikan jumlah penggunaan tenaga elektrik semakin meningkat. Keadaan ini telah memberi kesan yang besar kepada jumlah penggunaan tenaga di UTeM. Oleh itu, kumpulan KIK Go-SaVE FKE telah mengambil inisiatif memperkenalkan satu sistem pengurusan sumber tenaga dengan memberi penekanan kepada aspek pendidikan kesedaran kepada staf dan pelajar tentang pentingnya penjimatan penggunaan elektrik. Sistem pengurusan tenaga di FKE ini bertujuan membantu UTeM merangka satu model sistem yang lestari untuk diguna pakai pada keseluruhan Pusat Tanggungjawab (PTj) universiti bagi mendokong Polisi Tenaga UTeM. Jangkaan hasil kejayaan projek ini adalah tinggi dan berimpak melalui nilai KWh secara bulanan. Analisa akan dibuat melalui beberapa medium dengan menggunakan alat pengukuran tenaga. Dengan data yang diperolehi itu, perbandingan boleh dilakukan dengan jumlah penggunaan tenaga terdahulu. Kejayaan projek ini akan membawa satu model baru kepada UTeM dan boleh diaplikasi kepada universiti lain sebagai satu produk pengurusan tenaga yang ideal, berkesan dan berpanjangan.

KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE WILAYAH SELATAN 2016

**KSL RESORT
JOHOR BAHRU**

15 HINGGA 16 OGOS 2016



PENCAPAIAN:
Kumpulan Go-SaVE : Penarafan Emas
Kumpulan GoGreen : Penarafan Emas

Kategori Teknikal

Kumpulan GoGreen dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Tajuk Projek: Kesukaran Pensyarah Mengurus Kehadiran Pelajar

RINGKASAN PROJEK:

e-Attendance merupakan produk yang terhasil untuk menyelesaikan masalah kesukaran pensyarah dalam mengurus kehadiran pelajar. *e-Attendance* adalah satu teknologi yang dibangunkan dengan berkonsepkan penyimpanan awan (cloud storage) dan menggunakan telefon pintar sebagai medium untuk memudahkan staf akademik merekodkan kehadiran pelajar dengan terperinci tanpa menggunakan cetakan kertas seperti sedia ada. Teknologi ini juga dapat mengesan jika pelajar yang hadir ke kelas belum mendaftar mata pelajaran. Teknologi ini dijalankan dengan menggunakan QR code. Hasil daripada teknologi ini, pemantauan pelajar lebih efisien selain daripada penjimatan kertas, tenaga dan kos universiti. Selain daripada itu, penggunaan teknologi ini juga menyahut seruan kerajaan ke arah penggunaan inovasi dan teknologi hijau (*Green Technology*) di dalam pelbagai bidang khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ucapan perasmian dan penyampaian hadiah Konvensyen Team Excellence 2016 Wilayah Selatan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).



RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN



Sejajar dengan Transformasi Perkhidmatan Awam dalam memastikan Perkhidmatan Awam mempunyai modal insan yang kompeten untuk merealisasikan wawasan negara, maka rasionalisasi skim perkhidmatan dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia). Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2016 yang bersidang pada 30 Jun 2016 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan berkenaan dengan pindaan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Rasionalisasi ini adalah bertujuan untuk:

RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA

Oleh: Norhafizah binti Md Yusoh

1

Memperkemaskan pengurusan skim perkhidmatan bagi menarik dan mengekal modal insan terbaik

2

Mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan, menambah baik mobiliti dan kemajuan kerjaya dan mengemaskini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa

3

Memperluaskan peluang pemegang kelayakan kemahiran untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dengan memasukkan kelayakan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam skim perkhidmatan tertentu

Hasil kajian menyeluruh terhadap kesemua 252 skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa, terdapat skim-skim perkhidmatan yang ditambah baik, dijumud dan dimansuhkan. Terdapat juga skim perkhidmatan yang dikekalkan kerana skim perkhidmatan tersebut masih relevan dan menepati keperluan perkhidmatan. Sehingga tarikh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 berkuat kuasa, jumlah keseluruhan skim perkhidmatan adalah sebanyak 240.

Selaras dengan langkah-langkah rasionalisasi skim perkhidmatan ini, Kerajaan turut bersetuju:

1

Menetapkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) pada RM1,200.00 sebulan.

2

Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM).

3

Pegawai menerima faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kecuali yang terlibat dalam pemindahan ke gaji permulaan yang baharu di JGMM baharu.

Penambahbaikan skim perkhidmatan yang berkuat kuasa melibatkan perkara-perkara berikut:

1

Penyeragaman gred jawatan/kod gaji di gred lantikan bagi skim perkhidmatan berkelayakan SPM dan STPM/Diploma;

2

Penambahan lapisan gred kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

3

Peluasan pemakaian kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai syarat Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) dalam skim perkhidmatan berkelayakan SPM;

4

Pindaan nama/kod Klasifikasi Perkhidmatan dan kod gaji;

5

Pewujudan skim perkhidmatan bersepadu baharu;

6

Pindaan perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan;

7

Pemindahan kelayakan masuk sijil Politeknik/sijil setaraf STPM daripada skim perkhidmatan berkelayakan SPM kepada skim perkhidmatan berkelayakan STPM/Diploma; dan


8

Penjumudan dan pemansuhan skim perkhidmatan.

RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN



RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN



BILANGAN STAF TERLIBAT DALAM RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN DI UTeM

1. FAEDAH PEMINDAHAN GAJI (FPG) : 2053 ORANG
2. PENAMBAHBAIKAN GAJI MINIMUM BERIKUTAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN TERENDAH RM1,200.00 : 51 ORANG
3. PENYERAGAMAN GRED 17 KE 19, 27 KE 29 DAN 28 KE 30 : 420 ORANG
4. PERTUKARAN PELANTIKAN : 31 ORANG
5. KLASIFIKASI PLV DITUKARKAN DARI KEJURUTERAAN KE PENDIDIKAN : 52 ORANG
6. PEMINDAHAN KOD GAJI KE JGMM BAHARU : 1577 ORANG



Nama indahku diberi **Mohd Hamdan Bin Abdul Talib**. Takdir Allah nombor staf ketika melapor diri di UTeM adalah 00147. Saya seorang Pembantu Tadbir Gred N26. Saya telah dilahirkan pada 21 November 1957, tahun kemerdekaan negara kita di Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak.

SELAMAT BERSARA..

Disini saya bermula.... Tempoh Perkhidmatan di Universiti Teknologi Malaysia....

Saya dilantik sebagai Kerani mulai 04 April 1977 dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jalan Gurney dan sekarang dinamakan sebagai Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Saya ditempatkan di Unit Perjawatan dan Perkhidmatan kemudian ditukarkan ke Unit Pengambilan Pelajar dan Rekod, Pejabat Pendaftar. Ditukarkan semula ke Unit Perjawatan dan Perkhidmatan sebelum diarah berpindah ke UTM, Skudai pada 1 Mei 1985. Di UTM Skudai, saya ditugaskan di Urus Setia Pentadbiran dan telah dinaikkan pangkat kepada Kerani Kanan mulai 8 Disember 1990.

Semasa berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), saya telah diberi Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 1982, 1985, 1993, 1999 dan diberi Anugerah Jasa Bakti oleh pihak UTM pada tahun 1998 kerana telah berkhidmat selama 21 tahun.

Perkhidmatanku di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)/Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bermula apabila ditanya oleh Allahyarham Prof. Dr. Haji Azhari bin Saleh yang ketika itu menjadi Timbalan Rektor (Pembangunan dan Perancangan Korporat) dan Encik Hasan bin Sirun (kini Datuk)

sebagai Pendaftar KUTKM jika berminat untuk berkhidmat di KUTKM dan berpindah ke Melaka dengan memberi borang perjawatan KUTKM. Saya mengambil masa yang agak lama untuk berbincang dengan keluarga dan juga rakan-rakan di UTM. Akhirnya saya dan isteri mengambil keputusan untuk mengisi borang perjawatan di KUTKM yang diberikan.

Saya dipanggil menghadiri temuduga pada 9 Mac 2001 di Kampus Sementara KUTKM dan beberapa bulan kemudian kedua-dua kami menerima surat tawaran jawatan masing-masing.

Saya melapor diri di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia pada 10 Julai 2001 sebagai Kerani Kanan dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar. Pada tahun 2002 KUTKM telah memberi Anugerah Khidmat Cemerlang kepada saya. Lima (5) tahun kemudian, saya diberi kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Pembantu Tadbir Gred N26 mulai 24 September 2007 dan terus berkhidmat dengan UTeM sehingga mengambil keputusan untuk bersara pilihan berkuatkuasa mulai 1 November 2016.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga UTeM yang mana mengenali atau tidak mengenali saya. Saya juga mohon maaf sekiranya terdapat salah dan silap sama ada yang disengajakan ataupun tidak sepanjang saya berkhidmat di sini.



Majlis meraiikan persaraan Encik Mohd Hamdan bin Abdul Talib telah diadakan bersama staf Pejabat Pendaftar pada 18 Ogos 2016. Penyampaian cenderahati dari staf Pejabat Pendaftar disempurnakan oleh Encik Wahy bin Nordin serta dari sahabat terdekat beliau, Encik Farudin Hanif bin Ya'amah sebagai kenang-kenangan



Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bilangan 7 Tahun 2015 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor telah bersetuju bagi penubuhan jawatankuasa ePenilaian iaitu:

Pengerusi

Profesor Dr. Mohammad Ishak bin Desa

Ahli Jawatankuasa

- Profesor Dr. Hanipah Binti Hussin
- Profesor Dr. Rabiah Binti Ahmad
- Profesor Dr. Md Radzai Bin Said
- Profesor Dr. Abdul Rani Bin Othman
- Profesor Dr. Zulkiflije Bin Ibrahim
- Profesor Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff
- Profesor Madya Dr. Jariah Binti Mohamad Juoi
- Profesor Madya Shahdan bin Md Lani
- Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan
- Dr. Othman Bin Mohd
- Encik Yahya Bin Ibrahim

Urus Setia Bersama

Bahagian Dasar Dan Kualiti Pengurusan serta Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar

BENGKEL PENILAIAN PRESTASI AKADEMIK (ePENILAIAN)

**ALSON KLANA, SEREMBAN
6 HINGGA 8 MEI 2016**

Oleh: Noorazilah binti Mohamed





Jawatankuasa ini bertanggungjawab merangka dan menyediakan kriteria, wajaran dan kaedah penilaian prestasi bagi Kumpulan Akademik. Pelaksanaan bagi komponen ePenilaian Kumpulan Akademik adalah berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang menggariskan empat (4) laluan kerjaya iaitu pendidik, penyelidik, pengamal profesional dan pemimpin institusi yang akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Sehubungan itu, cadangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) khususnya staf akademik merangkumi lima (5) komponen utama iaitu:

- 1 Pengajaran dan Penyeliaan
- 2 Penyelidikan dan Penerbitan
- 3 Sanjungan dan Kepimpinan Akademik
- 4 Khidmat kepada Universiti dan Masyarakat
- 5 Perundingan dan Perkhidmatan Industri



info

LANGKAH MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Oleh: Mohamad Yusof bin Mohamad Dan



Penangguhan sementara kemudahan rawatan pergigian bagi staf dan tanggungan (isteri/suami dan anak-anak) di tujuh (7) buah Klinik Panel Pergigian UTeM berkuatkuasa pada 18 Mei 2016 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Staf dan tanggungan boleh mendapatkan rawatan pergigian di klinik-klinik pergigian Kerajaan dan Pusat Kesihatan UTeM.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2016 yang bersidang pada 27 April 2016 telah bersetuju meminda Bahagian E pada Skim Kemudahan Perubatan Staf/Pesara, dalam usaha mengoptimumkan perbelanjaan perubatan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka selaras dengan hasrat Kerajaan dalam menjayakan program penjimatan. Pekeliling Kewangan Bil. 4 Tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari, di Para 6.4 menyatakan pindaan yang dilaksanakan pada Skim Kemudahan Perubatan Staf/Pesara adalah berkaitan kemudahan rawatan Klinik Panel Perubatan dan Pergigian Universiti pada para 3.1 dan 3.2:

Staf dihadkan kepada dua (2) Klinik Panel sahaja berkuatkuasa pada 1 Mei 2016. Staf dan tanggungan digalakkan ke Pusat Kesihatan UTeM untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Sebagai langkah tindakan menjayakan penjimatan, Pusat Kesihatan UTeM telah ditetapkan sebagai Klinik Panel bagi semua staf UTeM dan tanggungan. Di dalam waktu bekerja, semua staf digalakkan untuk mendapatkan kemudahan rawatan perubatan di Pusat Kesihatan UTeM.

Bagi staf yang memerlukan rawatan sedangkan ianya bercuti, berkursus, berseminar dan berada di luar kawasan Klinik Panel, boleh mendapatkan rawatan di Klinik/Hospital Kerajaan yang berdekatan sebagaimana termaktub dalam perkara 3.1.2, Bahagian E, Buku Skim Kemudahan Perubatan Staf/Pesara. Kadar rawatan maksimum pesakit luar bagi staf dan tanggungan (suami/isteri dan anak-anak) di Klinik Panel Perubatan masih kekal RM50.00 sekali rawatan bagi setiap individu.


PANDUAN PEMILIHAN DUA (2) KLINIK PANEL SECARA ATAS TALIAN



Layari portal rasmi UTeM - <http://www.utem.edu.my/portal/>




Masukkan nombor staf dan kata laluan di ruangan yang disediakan



Pilih menu "Klinik & Rawatan" seterusnya klik pada "Pilihan Klinik




Pilih ruangan i@UTeM - <https://portal.utem.edu.my/iutem/>



Pilih menu SSM - <https://portal.utem.edu.my/iutem/Main>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA



Buat pilihan untuk klinik panel sahaja dan tekan butang simpan.



Pekeliling Pentadbiran Bil. 19/2016 berkenaan Peraturan Pakaian Seragam Staf UTeM telah dikeluarkan pada 25 Mei 2016. Dicedok intipatinya serba sedikit untuk perhatian dan makluman semua pembaca.

Peraturan Pakaian Seragam ini bertujuan untuk menetapkan dan menerangkan mengenai pakaian seragam staf UTeM. Peraturan ini terpakai kepada semua staf UTeM yang layak menerima peruntukan pakaian seragam mengikut kelayakan masing-masing. Pakaian seragam bertujuan:

PERATURAN PAKAIAN SERAGAM STAF UTeM

Oleh: Azlina binti Amzah

1 Sebagai lambang kuasa kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan;

2 Menjaga kebersihan dan ketrampilan staf seperti Pemandu dan Pembantu Operasi/Pembantu Am Pejabat.

Pakaian seragam dibekalkan mengikut kelayakan, prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan serta kecukupan peruntukan kewangan semasa.

Pembekalan Pakaian Seragam dilaksanakan melalui proses sebut harga dan syarikat yang dilantik oleh universiti akan menyiapkan pakaian seragam yang siap dijahit dari kain berkualiti.

“Pakaian Seragam” bermaksud pakaian bekerja yang dibekalkan kepada staf yang berkelayakan dan merupakan pakaian yang dipakai sepanjang waktu bertugas bagi tujuan pengenalan diri staf kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas. Pakaian Seragam adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan reka bentuk tersebut meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Baju dan Seluar/T-shirt/ Jaket/Overcoat
- (b) Topi/Songkok/Tudung
- (c) Kasut (kulit/kanvas/getah)

Lain-lain kelengkapan seperti pakaian keselamatan makmal atau aksesori berkaitan dengan pakaian seragam adalah dikategorikan sebagai alatan tambahan/alatan makmal di mana hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pakaian Seragam Universiti (JPSU). Urusan perolehan bagi perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab PTj berkenaan dan pembayaran mengguna peruntukan vot kewangan PTj tersebut.

Reka bentuk dan warna pakaian seragam adalah seperti yang telah diluluskan oleh Universiti atas cadangan yang dikemukakan oleh JPSU. Perubahan rekabentuk dan warna tidak digalakkan. Walau bagaimanapun permohonan untuk mengubah reka bentuk dan warna boleh dipertimbangkan selepas 5 tahun pelaksanaan. Permohonan perlu dikemukakan kepada JPSU untuk diperakukan dan diluluskan oleh Universiti.

UTeM hanya membekalkan Pakaian Seragam mengikut jawatan dan skop tugas staf. Pakaian Seragam dibekalkan tertakluk kepada kelayakan jawatan.

Jadual pembekalan Pakaian Seragam adalah seperti berikut :-

Bil	Perkara	Bulan
1.	Mendapatkan maklumat staf yang layak dari PTj	Jun - Julai
2.	Proses perolehan	Ogos - September
3.	Mengambil ukuran staf dan menyiapkan pakaian	Oktober - Disember
4.	Agihan pakaian seragam kepada staf yang layak	Januari - Februari
5.	Aduan mengenai masalah ukuran pakaian dan pembaikan oleh Tukang Jahit	Januari - Mac

Staf hendaklah hadir semasa sesi mengukur mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan. Kegagalan menghadiri boleh mengakibatkan penyediaan pakaian seragam berdasarkan ukuran sedia ada. UTeM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan pembekalan sekiranya staf gagal hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

UTeM tidak akan membayar tempahan yang dibuat sendiri oleh staf.

Jika berlaku kehilangan, kerosakan atau staf membaiki sendiri pakaian, tuntutan atau gantian tidak boleh dibuat kepada UTeM.

Staf yang tidak mengambil pakaian seragam yang telah disediakan, kos pakaian tersebut akan dikenakan kepada staf berkenaan mengikut keputusan Universiti dengan perakuan JPSU.

Staf yang menerima bekalan pakaian seragam hendaklah memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas dan ia haruslah dipantau oleh Ketua PTj dari semasa ke semasa.

Ketua PTj hendaklah memastikan setiap staf yang menerima bekalan pakaian seragam memakai pakaian seragam yang dibekalkan sepanjang masa semasa bertugas kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua PTj, terutama semasa bertugas di luar pejabat. Jika staf tersebut didapati enggan / cuai / gagal mematuhi, amaran secara bertulis dari Ketua PTj akan dikeluarkan dan jika ia berterusan, kemudahan pakaian seragam boleh ditarik balik atas kelulusan Pengurusan Universiti. Staf yang gagal untuk mematuhi peraturan, boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000.

WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB) KHAS PADA BULAN RAMADAN DI UTeM

Oleh: Azlina binti Amzah


Surat Edaran Pentadbiran Bil. 13 Tahun 2016 telah dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf, terutama Staf Pentadbiran mengenai Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) dilaksanakan khas pada bulan Ramadan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di mana mengurangkan waktu rehat selama 30 minit bagi membenarkan staf UTeM meninggalkan pejabat 30 minit lebih awal pada bulan Ramadan. Pelaksanaan ini selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/2016 yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk semua penjawat awam.

Pelaksanaan WBB adalah bagi kehadiran Staf Pentadbiran sahaja di semua PTj kecuali bagi PTj yang mengamalkan waktu bekerja mengikut syif. Ketua PTj boleh menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja dengan berdasarkan keperluan perkhidmatan di jabatan masing-masing.

Jadual Waktu Peringkat (WP) adalah seperti berikut:

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP4	Isnin-Khamis	7.30 pg-1.00 ptg	1.00 ptg-1.30 ptg	1.30 ptg-4.00 ptg
	Jumaat	7.30 pg-12.30 tgh	12.30 tgh-2.30 ptg	2.30 ptg-4.00 ptg
WP5	Isnin-Khamis	8.00 pg-1.00 ptg	1.00 ptg-1.30 ptg	1.30 ptg-4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pg-12.30 tgh	12.30 tgh-2.30 ptg	2.30 ptg-4.30 ptg
WP6	Isnin-Khamis	8.30 pg-1.00 ptg	1.00 ptg-1.30 ptg	1.30 ptg-5.00 ptg
	Jumaat	8.30 pg-12.30 tgh	12.30 tgh-2.30 ptg	2.30 ptg-5.00 ptg


Untuk tahun 2016, pelaksanaan WP bagi bulan Ramadan 1437H dilaksanakan pada 13 Jun 2016 mengambil kira tentang staf membuat pemilihan WP (WP4/5/6) dan penyesuaian sistem perakam waktu (SPWB), manakala pelaksanaan pada bulan Ramadan tahun hijrah berikutnya berkuat kuasa mulai 1 Ramadan setiap tahun.



Surat Edaran Perkhidmatan berkaitan Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimalkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan. Penangguhan ini akan memberi ruang kepada semua agensi Kerajaan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi-agensi Kerajaan.

CPD 21

Oleh: Hazrin binti Kasim



Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2016 yang bersidang pada 27 April 2016 telah bersetuju menerima pakai dengan pindaan Surat Edaran Perkhidmatan berkaitan Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

Pelaksanaan di UTeM, keperluan latihan ini dikaitkan dengan program Pembangunan Profesional Berterusan atau Continuous Professional Development (CPD) iaitu semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbir dan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana perlu mengumpulkan 42 mata CPD dan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (VU dan VK) 20 mata.


Selaras dengan surat edaran tersebut, pihak Universiti telah bersetuju mata CPD dikira berdasarkan **gandaan dua mata bagi setiap komponen dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.**

PENGIRAAN MATA CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI JAWATAN GRED KHAS

PERKARA	AKTIVITI	MATA CPD SEDIA ADA	MATA CPD (BERMULA 1 JAN 2016)
LATIHAN Kursus (Umum & Khusus)	1. Kursus Jangka Panjang (pengajian lanjutan - >12 bulan) atau	10 mata	5 mata
	2. Kursus Jangka Sederhana (3 bulan < dan <12 bulan) atau		
	3. Kursus Jangka Pendek (<3 bulan)		
LATIHAN Pembangunan Ilmu & Kemahiran	4. Perkongsian ilmu	10 mata	5 mata
	5. Pembelajaran Berasaskan Kerja		
	6. Inovatif / Kreatif		
LATIHAN Kegiatan Di Luar Tugas Rasmi	7. Bengkel Kerja		
	8. Khidmat Kepakaran		
	9. Jawatankuasa/ Sukan/ Bakat		
JUMLAH		20 MATA	10 MATA

PENGIRAAN MATA CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIR & AKADEMIK) DAN KUMPULAN PELAKSANA

PERKARA	AKTIVITI	MATA CPD SEDIA ADA	MATA CPD (BERMULA 1 JAN 2016)
LATIHAN Kursus (Umum & Khusus)	1. Kursus Jangka Panjang (pengajian lanjutan - > 12 bulan) atau	24 mata	12 mata
	2. Kursus Jangka Sederhana (3 bulan < dan <12 bulan) atau		
	3. Kursus Jangka Pendek (3 bulan)		
LATIHAN Pembangunan Ilmu & Kemahiran	4. Perkongsian Ilmu	10 mata	5 mata
	5. Pembelajaran Berasaskan Kerja		
	6. Inovatif / Kreatif		
LATIHAN Kegiatan Di Luar Tugas Rasmi	7. Bengkel Kerja	8 mata	4 mata
	8. Khidmat Kepakaran		
	9. Jawatankuasa/ Sukan/ Bakat		
JUMLAH		42 MATA	21 MATA



Pejabat Pendaftar UTeM telah melalui Audit Dalam bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 yang bermula pada 20 April 2016 sehingga 21 April 2016.

Atucara bermula dengan mesyuarat pembukaan pada jam 9.00 pagi dengan kata-kata aluan daripada Wakil Pengurusan, Encik Wahi bin Nordin dan disusuli dengan ucapan daripada Ketua Auditor dengan kehadiran daripada semua Ketua Bahagian Pejabat Pendaftar.

Mesyuarat penutupan telah dijalankan pada jam 4.30 petang, yang dihadiri oleh Wakil Pengurusan, Ketua Bahagian dan semua Auditee terlibat. Mesyuarat tersebut membentangkan perkara-perkara yang ditemui sepanjang Audit Dalam dijalankan untuk tujuan tindakan dan penambahbaikan berterusan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di Pejabat Pendaftar.

Hasil penemuan audit didapati dua (2) ketidakakuran (NCR) minor dan enam belas (16) peluang penambahbaikan (OFI).

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2008 AUDIT DALAM

Oleh: Azrina binti Alwi

Auditor yang terlibat terdiri daripada:

- Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa (Ketua Juruaudit)
- Encik Mohd Shahrul Nizam bin Shukur
- Puan Nur Fazilah binti Mohd Kassim
- Encik Saiful Anuar bin Mohamad
- Encik Mohd Hairull bin Abdolah
- Encik Zaid bin Abdullah
- Puan Norma Hayati binti Hashim
- Puan Roslita binti Jaafar
- Encik Mohd Nazrul bin Mohd Shafri

Penemuan NCR minor ini hendaklah diselesaikan sebelum Audit Luar oleh Bureau Veritas Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. (BVC) yang akan diadakan pada 29 dan 30 Ogos 2016.

Terima kasih di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan...

TAHNIAH! ATAS KEJAYAAN!

Oleh: Norsuria binti Azis

DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Dr. Md Hairul Nizam bin Talib

Bidang: Electrical Engineering
Tarikh berjaya PhD: 23.03.2016
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

Dr. Juwita binti Mohd Sultan

Bidang: Computing and Communication
Tarikh berjaya PhD: 22.03.2016
Lancaster University, UK

Dr. Amat Amir bin Basari

Bidang: Science and Technology
(Electronics and Informatics, Mathematics
and Physics)
Tarikh berjaya PhD: 23.03.2016
Gunma Univesity, Jepun

Dr. Azdiana binti Md. Yusop

Bidang: Kejuruteraan Elektrik,
Elektronik & Sistem
Tarikh berjaya PhD: 20.07.2016
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

Dr. Mohd Hisham bin Nordin

Bidang: Electrical Engineering
Tarikh berjaya PhD: 01.04.2016
Imperial College, London, UK

Dr. Intan Sharhida binti Othman

Bidang: Engineering Materials
Tarikh berjaya PhD: 23.06.2016
Southampton University, UK

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Dr. Fudhail bin Abdul Munir

Bidang: Kejuruteraan Mekanikal
Tarikh berjaya PhD: 17.03.2016
Yamaguchi University, Jepun

Dr. Md Isa bin Ali

Bidang: Kejuruteraan Mekanikal
Tarikh berjaya PhD: 15.06.2016
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Dr. Ngo Hea Choon

Bidang: Pengurusan dan Kejuruteraan
Maklumat (Sains Komputer)
Tarikh berjaya PhD: 15.04.2016
Universiti Sains Malaysia (USM)

Dr. Zahriah binti Othman

Bidang: Sains Komputer
Tarikh berjaya PhD: 28.04.2016
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

TAHNIAH! ATAS KEJAYAAN!

Oleh: Norsuria binti Azis

DOKTOR FALSAFAH

Dr. Safiza Suhana binti Kamal Baharin

Bidang: Database and GIS
Tarikh berjaya PhD: 22.06.2016
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Dr. Mohd Fairuz Iskandar bin Othman

Bidang: Information Systems
Tarikh berjaya PhD: 26.05.2016
Queensland University of Technology,
Australia

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

Dr. Nurul Zarirah binti Nizam

Bidang: Business Administration (Marketing)
Tarikh berjaya PhD: 20.03.2016
Aichi University, Nagoya, Jepun

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Dr. Mohamad Haidir bin Maslan

Bidang: Kejuruteraan Mekanikal
Tarikh berjaya PhD: 12.05.2016
University of Manchester, UK

SARJANA

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Nurliyana binti Abd Mutalib

Bidang: Mikroelektronik
Tarikh berjaya PhD: 16.03.2016
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Muhammad Nur bin Othman

Bidang: Kejuruteraan Mekanik
Tarikh berjaya PhD: 25.02.2016
Universiti Malaya (UM)

Febrian bin Idrul

Bidang: Kejuruteraan Mekanikal
Tarikh berjaya PhD: 23.03.2016
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



UTeM TERIMA 534 ORANG PELAJAR BAHARU DIPLOMA

Oleh: Muhammad Iqbal bin Amdan




Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Melaka – Pendaftaran pelajar baharu program Diploma sesi kemasukan 2016/2017 yang diadakan pada 30 Mei 2016 bertempat di Pusat Pengajian Siswazah (PPS), baru-baru ini telah berjalan dengan lancar, teratur dan bersistematik.

Seramai 534 orang pelajar telah hadir dan mendaftarkan diri bagi mengikuti kursus Diploma yang ditawarkan oleh lima (5) buah Fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Kaunter pendaftaran dibuka seawal 8.30 pagi dan berakhir pada jam 2.30 petang. Selain itu, kaunter pertanyaan turut dibuka bagi memudahkan urusan ibu bapa dan pelajar.

Hari pendaftaran pelajar baharu ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Naib Canselor. Beliau turut berkesempatan beramah mesra bersama kakitangan UTeM, pelajar baharu serta ibu bapa/penjaga yang hadir.

Pihak Universiti merakamkan ucapan terima kasih kepada para ibu bapa dan keluarga serta pelajar yang memberikan kerjasama dalam menjayakan proses pendaftaran kemasukan ini. Kemasukan pelajar baharu ini amatlah dialu-alukan dan diharapkan agar peluang yang diberikan digunakan sebaik mungkin untuk mendapat manfaat seterusnya berjaya di peringkat Diploma.



PERINTIS KHAS BIL. 1/2016 MENERAJUI PERUBAHAN SETIAUSAHA PEJABAT (SUP)

TARIKH : 6 - 8 Mei 2016

TEMPAT: Tapak Perkhemahan KOKU PBPI & Hutan Rekreasi Ayer Keroh

Oleh: Mohd Farid bin Mohd Khalid

Siri pertama program PERINTIS bagi tahun 2016 telah melibatkan seramai 42 orang staf berjawatan Setiausaha Pejabat dari pelbagai pejabat dan fakulti. Pemilihan kumpulan SUP ini adalah bertepatan dengan usaha pihak pengurusan universiti untuk mempelbagaikan fungsi SUP bagi memenuhi keperluan semasa pihak pengurusan.

Justeru, perbincangan yang teliti telah diadakan melibatkan ahli panel PERINTIS dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia khususnya Jabatan Latihan bagi menghasilkan struktur PERINTIS yang menepati objektif tersebut. Beberapa penambahbaikan telah dikenalpasti yang melibatkan lokasi aktiviti, pengisian slot NLP juga slot khusus oleh pihak Pengurusan Sumber Manusia bagi menjelaskan tugas hakiki juga tugas yang bakal digalas oleh SUP.

Hari pertama menyaksikan kehadiran peserta ke Tapak Perkhemahan PERINTIS bagi tujuan Pendaftaran dan pembahagian peralatan perkhemahan. Taklimat ringkas mengenai program PERINTIS kali ini telah disampaikan dengan penuh bersemangat oleh Timbalan Pendaftar, Encik Azhar bin Salleh. Beliau telah menekankan isu keselamatan ketika program juga objektif utama PERINTIS Khas ini dijalankan.

Tepat jam 8.45 malam merupakan kemuncak program iaitu Ucaptama dari Naib Canselor UTeM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib. Beliau telah diiringi oleh Timbalan Naib Canselor, YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad. Turut serta adalah Pendaftar, YBhg. Datuk Hasan bin Sirun, Bendahari, Encik Khairul bin Taib dan Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff.

Encik Mohd Isa bin Mohd Dom selaku Ketua Fasilitator PERINTIS dan Encik Amir bin Aris yang memimpin aktiviti outdoor dan slot NLP juga bersama-sama hadir ke majlis Ucaptama tersebut.

Naib Canselor telah menyampaikan hasrat dan tujuan utama program ini untuk dihayati dan dijadikan motivasi oleh peserta dalam menghayati aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Beliau telah menekankan keutamaan fungsi SUP dalam memastikan pengoperasian pejabat oleh Ketua masing-masing dalam keadaan yang produktif dan menepati sasaran kerja.

SUP bukan hanya perlu meneliti setiap tugas, rutin harian, malah menjadi imej kepada Ketua masing-masing. SUP juga perlu menjaga tatasusila serta menggunakan gaya komunikasi yang efisien agar segala maklumat dan urusan dapat disampaikan kepada Ketua dengan cara yang berhemah. Integriti SUP dalam memastikan kerahsiaan maklumat juga telah dinyatakan dengan jelas oleh Datuk Naib Canselor agar tidak berlaku penyebaran maklumat yang salah di kalangan staf UTeM.

Penambahan fungsi dan tugas SUP perlu diterima dengan rasa penuh tanggungjawab dan dijadikan sebagai satu cabaran untuk menghasilkan *output* kerja yang lebih cemerlang. Ucapan beliau telah diakhiri dengan doa dan harapan agar setiap peserta akan mendapat manfaat dan berazam untuk melakukan perubahan dan istiqamah dalam urusan kerja tanpa mengabaikan suruhan agama. Sesi hari pertama telah diakhiri dengan pembahagian kumpulan dan taklimat program oleh Encik Mohd Isa bin Mohd Dom dan Encik Amir bin Aris.

Di antara keunikan siri PERINTIS kali ini, ialah pelaksanaan aktiviti outdoor di luar UTeM. Melalui kerjasama Perbadanan Melaka Berhad, sebanyak 5 lokasi *checkpoint* telah dikenalpasti untuk digunakan sebagai lokasi aktiviti. Setiap kumpulan perlu melaksanakan permainan *team-building* dan tugas yang ditetapkan oleh fasilitator pada setiap *checkpoint*. Fasilitator NLP akan menjalankan sesi *coaching* secara berkumpulan berkaitan dengan kecemerlangan tugas SUP khususnya di UTeM. Kemuncak aktiviti ini merupakan aktiviti menangkap ikan keli tanpa menggunakan peralatan. Peserta perlu menangkap sekurang-kurangnya tiga (3) ekor ikan dalam masa yang telah ditetapkan. Ikan-ikan tersebut akan dimasak dan dihidangkan sebagai juadah makan tengahari. Pelbagai ragam yang mencuit hati telah dipamerkan juga semangat kental dalam proses menangkap ikan keli yang bersaiz besar.

Pada sesi malam pula, acara dimulakan dengan slot Penerangan Fungsi dan Tugas Setiausaha Pejabat yang telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Masdzarif bin Mahat. Slot kedua merupakan sesi Power Story yang telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Y.Bhg Prof Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor. Maklumat yang diperolehi melalui kedua-dua slot ini amat penting dalam membantu peserta untuk melakukan aktiviti terakhir pada hari ke-3.

Slot NLP Coaching - SUP Cemerlang telah dipimpin oleh Ketua Fasilitator NLP, Encik Amir bin Aris dan merupakan sesi terakhir bagi program PERINTIS Khas kali ini. Setiap kumpulan telah dipimpin oleh seorang NLP coach dan hasil perbincangan telah dipersembahkan kepada Naib Canselor UTeM. Ucapan penutup dari Naib Canselor UTeM telah menggambarkan kepentingan peranan Setiausaha Pejabat dalam aktiviti pengurusan. Juga keperluan tugas Setiausaha untuk dipelbagaikan dalam memenuhi keperluan tambahan dan meningkatkan kemahiran Setiausaha agar lebih dinamik dan produktif.

Kesimpulannya, program PERINTIS Khas ini telah berjaya mencapai hasrat objektif penganjuran di mana tugas tambahan Setiausaha telah diperjelaskan dan dapatan maklumbalas dari persembahan kumpulan akan menjadi input kepada kursus Team Building Pengurusan Tertinggi UTeM nanti.



Ketibaan kami disambut dengan wajah ceria anak-anak yatim



Salah seorang PERINTIS bersama seorang anak yatim semasa sesi Diriku Disayangi




Keakraban jelas kelihatan, anak-anak terasa diri sentiasa disayangi



Hasil tangkapan semasa aktiviti outdoor, dikongsi bersama ahli kumpulan lain untuk memupuk rasa kasih sayang dan kerjasama satu pasukan





Salam Aidilfitri | Maaf Zahir dan Batin
Dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Salam Aidilfitri | Maaf Zahir dan Batin
Dari Bahagian Pembangunan Sumber Manusia





Selamat
Hariz Raya
Aidilfitri


Salam Aidilfitri | Maaf Zahir dan Batin
Dari Bahagian Pengurusan Organisasi



Salam Aidilfitri | Maaf Zahir dan Batin
Dari Bahagian Pengurusan Akademik

Selamat
Hariz Raya
Aidilfitri





Salam Aidilfitri | Maaf Zahir dan Batin
Dari Bahagian Cuti Belajar



Salam Aidilfitri | Maaf Zahir dan Batin
Dari Bahagian Kesejahteraan Personel





Kelab Staf Pejabat Pendaftar yang dikenali sebagai Kelab STAR telah menganjurkan aktiviti "NOSTALGIA KAD RAYA".
 Aktiviti mencabut nama staf telah dilakukan di setiap Bahagian Pejabat Pendaftar.
 Kelainan pada tahun ini adalah, setiap staf perlu menyediakan dua kad raya kepada dua nama staf yang telah dicabut.



Kad raya yang telah disediakan oleh staf telah dikumpulkan oleh Jawatankuasa STAR dan edaran dibuat seminggu sebelum raya.



Dengan adanya aktiviti seperti ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah antara staf Pejabat Pendaftar di samping dapat mengembalikan nostalgia mengirim kad raya.



Aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk oleh Staf Pejabat Pendaftar



aktiviti



Majlis Iftar Staf
Pejabat Pendaftar
di Masjid Sayyidina
Abu Bakar, UTeM

